PERIBAHASA TAMIL BERIMEJ LADA HITAM

SEBAGAI TRADISI LISAN: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

TANGAPRABU MURTHY *

MARY FATIMAH SUBET **

MUHAMMAD ZAID DAUD ***

tangaprabu@gmail.com*, sufatimah@unimas.my**, zaid_daud93@yahoo.com***

Abstrak

Tradisi lisan merupakan salah satu cabang bagi penciptaan peribahasa Tamil. Peribahasa ini dicipta dan dihasilkan daripada pengamatan lapisan masyarakat India terhadap keistimewaan alam semula jadi di sekeliling mereka secara implisit. Namun begitu, penerokaan makna peribahasa Tamil yang dijalankan oleh pengkaji lepas hanya terhad di peringkat semantik skrip dan semantik resonans sahaja. Oleh itu, objektif kajian adalah menganalisis peribahasa Tamil berunsur lada hitam menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) serta dibantu pendekatan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986). Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui temu bual secara mendalam ke atas empat orang informan yang pilih secara NORF/M (Non-Mobile, Old, Remote dan Female/Male). Keseluruhannya, pengkaji memperoleh sebanyak 25 data peribahasa Tamil berunsurkan tumbuh-tumbuhan. Namun begitu, sebagai batasan kajian ini pengkaji hanya akan memfokuskan data peribahasa Tamil berunsurkan lada hitam sahaja. Data peribahasa Tamil tersebut seperti, கடுகுபோனஇடம்ஆராய்வர், பூசணிக்காய்போனஇடம்தெரியாத (Transkripsi Rumi: **Kadagu** pona idam aarayvaar, poosanikay pona idam theriyathu) dan கடுகுசிருத்தாலும்காரம் குறையாது (Transkripsi Rumi: **Kadugu** siruthalum kaaram kuraiyaathu). Melalui kajian ini pengkaji dapat merumuskan bahawa, peribahasa Tamil ini tidak diciptakan secara sewenang-wenangnya tetapi, mempunyai kaitan yang kukuh dengan budaya serta akal budi masyarakat India pada zaman dahulu.

Kata Kunci: tradisi lisan, peribahasa Tamil, lada hitam, semantik inkuisitif

Dihantar : 25 Januari 2018 Disemak : 20 September 2019 Diterbit : 31 September 2019

* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak
** Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak
*** Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

BLACK PEPPER IMAGES IN TAMIL PROVERBS AS ORAL TRADITION: INQUISITIVE SEMANTICS ANALYSIS

TANGAPRABU MURTHY *

MARY FATIMAH SUBET **

MUHAMMAD ZAID DAUD ***

tangaprabu@gmail.com*, sufatimah@unimas.my**, zaid_daud93@yahoo.com***

Abstract

Transmitting proverbs via oral communication is one of the most common ways of Tamil proverbs' growth. These proverbs are communicated when the early generations' strong observation of their surroundings. These mostly come with implied meanings. Nevertheless this study emphasizes mainly on scripted and resonance semantics only. Following that, the objective of this research is to analyze Tamil proverbs which has black pepper element in it. The research has been done using the Inquisitive Semantics method introduced by Jalaluddin (2014) as well as the Bridging Cross Reference approach by Kempson (1986). The data for this qualitative research have been attained from four main informants, selected based on NORF/NORM (Non-Mobile, Old, Remote and Female/ Male) methods. The researcher has successfully attained data for 25 Tamil proverbs which has green elements in them. However, this research had been limited to focus on data based on black pepper only. Those Tamil proverbs are கடுகு போனஇடம்ஆராய்வர்,பூசணிக்காய்போனஇடம்தெரியாத (Kadagu pona idamaar ayvaar, poosanikay pona idam theriyathu) and கடுகுசிருத்தாலும்காரம்குறையாது (Kadugu siruthalum kaaram kuraiyaathu) Researcher was able to conclude that Tamil proverbs created based on the strong connection in between tradition and cognition of the Indian community on the early day of life.

Keywords: *oral tradition, Tamil proverb, black pepper, inquisitive semantic*

Submitted: 25 Januari 2018 Revised: 20 September 2019 Published: 31 September 2019

* Postgraduate Student at Faculty of Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak
** Senior Lecturer at Faculty of Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak
*** Postgraduate Student at Faculty of Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak

1.0 Pendahuluan

Peribahasa ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut masyarakat sejak beberapa lama kerana indah dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dan dipakai akan menjadi sebutan oleh masyarakat sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran (Ahmad, 1965). Manurut Zahid (1998) peribahasa merupakan suatu unsur yang menyampaikan mesej yang mempunyai maksud yang tersendiri atau maksud tersirat. Selain itu, Hussain (1997) mangatakan bahawa peribahasa diguna pakai oleh semua bangsa. Buktinya masyarakat India juga mempunyai peribahasa malah kajian yang membandingkan peribahasa Tamil serta Bahasa Melayu juga pernah dilakukan oleh (Ragavan & Salleh, 2015) dalam kajian mereka iaitu peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial.

Seperti peribahasa Melayu, peribahasa Tamil juga meliputi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah yang merupakan sebahagian daripada warisan orang India yang perlu dipelihara kerana kaya dengan nilai–nilai positif dan menjadi sebahagian daripada usaha untuk memartabatkan bahasa tersebut. Dalam bahasa Tamil, peribahasa disebut sebagai *Palamoli.* Perkataan *'palamoli'* muncul daripada gabungan dua perkataan iaitu *Palam* yang bermaksud lama atau matang dan perkataan *Moli* pula bermaksud bahasa (Parameswaran, 2016)). Apabila menggabungkan kedua-dua perkataan tersebut, ia akan membawa maksud bahasa yang lama atau matang.

Menurut Sellvara dan Annamalai (2019) pula, peribahasa Tamil lahir daripada pengalaman, pemerhatian yang teliti, pengamatan dan pandangan yang mendalam terhadap segala kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Walaupun terdapat banyak peribahasa dalam bahasa Tamil, namun peribahasa Tamil masih tidak dikupas maknanya dengan teliti. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengupas makna di sebalik penggunaan peribahasa Tamil yang mempunyai imej tumbuhan iaitu lada hitam secara mendalam menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014). Melalui kajian ini pengkaji berharap masyarakat dapat mengetahui serba mendalam mengenai pemilihan setiap imej tumbuhan yang terdapat dalam peribahasa Tamil di samping mengenali budaya, akal budi serta nilai estetika yang terdapat di sebalik setiap peribahasa yang dipilih itu.

2.0 Permasalahan Kajian

Penyataan masalah bagi kajian ini bertitik tolak daripada kajian lepas mengenai lada hitam daripada pelbagai perspektif ilmu. Contohnya, dalam kajian ekonomi (Anggraini, Berliana, & Utoyo, 2020; Nasharudin, 2020; Whardani, Sudrajat, & Widiatmi, 2020), sains pertanian (Meilawati, Susilowati, & Bermawie, 2020; Patangke, 2020) dan perubatan (Ahmad et al., 2020; Seto, 2020). Namun begitu kajian sebegini hanya memfokuskan data lada hitam dalam satu bidang ilmu yang khusus sahaja. Perkara ini menampakkan kajian lepas ini sebegini tidak bersifat multidisiplin.

Selain itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat India kini kurang mengenali peribahasa-peribahasa yang kian lama digunakan oleh generasi-generasi sebelum kita. Malah, ada juga sesetengah masyarakat yang tahu serba sedikit peribahasa tetapi tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang makna yang ingin disampaikan melalui

peribahasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pendokumentasian terhadap kutipan peribahasa Tamil juga terhad. Buku-buku peribahasa sememangnya ada di pasaran tetapi buku-buku tersebut hanya tertumpu kepada keseluruhan peribahasa dan juga maksudnya tetapi tidak khusus. Kajian berkaitan peribahasa Tamil yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas sama ada dalam dan luar negara pula hanya memfokuskan analisis data peribahasa bersifat semantik skrip dan resonans sahaja.

Antara pengkaji lepas yang telah menganalisis peribahasa Tamil pada peringkat sebegini ialah Beck (1979), Percival (1996), Geetha dan Kamatchi (2010), Ragavan dan Salleh (2015) serta Sellvaraj dan Annamalai (2019). Mengambil contoh kajian Ragavan dan Salleh (2015), pengkaji ini hanya membandingkan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil untuk menampakkan persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa dalam aspek sosial. Kajian yang menggunakan data bahasa Tamil iaitu hasil kutipan peribahasa yang mengkaji makna di sebalik setiap imej yang digunakan tidak lagi dikaji sehingga pada masa ini. Hal ini demikian, kerana pada masa dahulu peribahasa dicipta melalui pengamatan alam sekeliling dan mempunyai makna-makna yang mendalam serta tersirat. Kekurangan pengamatan budaya juga merupakan satu lagi pemasalahan dalam kajian ini. Masyarakat pada alaf siber ini, terutamanya kaum India kurang mengambil perhatian tentang unsur-unsur budaya mereka sendiri. Kebanyakan masyarakat India menganggap bahawa peribahasa hanya untuk akademik dan tidak mempunyai kaitan dengan budaya serta akal fikiran seseorang. Persepsi ini dapat dipecahkan melalui kajian ini kerana kajian ini dapat membantu untuk mengenali budaya-budaya masyarakat India yang digambarkan melalui peribahasa.

Penyataan masalah juga timbul apabila kajian peribahasa menggunakan pendekaan semantik inkuisitif lebih terarah menggunakan data peribahasa Melayu. Contohnya kajian, Jalaluddin (2014), Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2020), Subet dan Nasir (2019) serta Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d). Walau bagaimanapun, terdapat usaha daripada pengkaji lepas telah mengaplikasikan pendekatan ini menggunakan data peribahasa Tamil. Contohnya kajian Murthy dan Subet (2018a; 2018b) serta Murthy, Subet dan Daud (2019a; 2019b).

Penyataan masalah ini dapat dirumuskan bahawa kajian mengenai lada hitam daripada pelbagai sudut ilmu hanyalah memfokuskan data lada hitam tanpa mencungkil makna akal budi lada hitam dalam sesuatu komuniti. Dari segi pendekatan yang digunakan pula, kajian ini lebih berfokus kepada peribahasa Melayu. Manakala, kajian mengenai peribahasa Tamil lebih terhad kepada kajian semantik skrip dan resonans sahaja. Meskipun kajian peribahasa Tamil menggunakan imej perlambangan seperti rumput (Murthy & Subet, 2018a), tebu (2018a), padi, kulit beras, halia dan kunyit (Murthy, Subet, & Daud, 2018a). Tetapi, kajian peribahasa Tamil mengguna imej perlambangan lada hitam adalah terhad.

3.0 Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah yang bersifat kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah premier iaitu melalui temu bual mendalam bersama 4 orang informan berbangsa India. Dua orang daripada informan tersebut adalah merupakan orang warga emas yang berusia dalam sekitar lingkungan umur 60 hingga 80 tahun dan dua orang lagi merupakan informan yang berusia dalam lingkungan 30 hingga 60 tahun dan berpendidikan tinggi.

Dua orang informan tersebut merupakan guru di sebuah sekolah Tamil. Pengkaji membuat keputusan untuk memilih dua orang tua dan dua orang yang berpendidikan tinggi kerana untuk membezakan nilai kefahaman mereka terhadap peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan serta mendapat data yang sahih. Seramai dua orang informan itu dipilih mengikut norma manakala dua orang lagi dipilih secara rawak mengikut taraf pendidikan dan pengetahuan dalam bahasa Tamil. Persampelan seperti ini menggunakan pemilihan informan secara NORF yang merujuk kepada Non Mobile, Old, Remote dan Female. Menurut Ong, Suri & Aman (2016) dalam Razali, Deli & Daud, (2018; 2019), pemilihan informan berdasarkan NORF iaitu Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar) dan Female (Perempuan) lebih sesuai di Malaysia berbanding NORM. Hasil daripada temu bual mendalam dengan empat orang informan ini terdapat 25 peribahasa Tamil yang mempunyai imej tumbuhan seperti, rumput, kunyit, halia, terung, tebu, lada hitam, ubi kayu dan labu. Walau bagaimanapun, bagi kajian ini pengkaji akan menganalisis peribahasa Tamil yang mempunyai imej "lada hitam" sahaja sebagai pemfokusan kajian.

Setelah itu, pengkaji menyenaraikan kesemua peribahasa tersebut dalam bentuk jadual dengan maksudnya sekali. Selepas itu, pengkaji melakukan penterjemahan data kerana segala data yang dikutip adalah dalam bahasa Tamil. Mengikut Mohd dan Hassan (2008), seseorang yang ingin menterjemah harus memenuhi empat syarat yang penting iaitu mengetahui sumber, mengetahui bahasa penerima, pengetahuan dalam bidang yang diterjemah serta mengetahui teori dan amalan terjemahan.

Pengkaji mengunakan buku panduan menterjemah dan Kamus Dewan (2016) sebagai rujukan untuk melakukan penterjemahan peribahasa tersebut. Penterjemahan itu mempunyai dua peringkat iaitu bermula pada peringkat penterjemahan terus (*direct translation*) dari bahasa Tamil kepada bahasa Melayu tanpa melihat aspek-aspek tatabahasa serta susunan perkataan. Setelah penterjemahan terus itu selesai, pengkaji menterjemahkan sekali lagi daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu tetapi penterjemahan pada peringkat ini lebih menumpukan perhatian kepada terjemahan yang bersifat sistematik dan tersusun dari segi tatabahasa dan juga bersifat gramatis mengikut bahasa Melayu.

Setelah proses penterjemahan selesai sepenuhnya, pengkaji mula menganalisis data tersebut mengikut konsep semantik inkuisitif dan akal budi masyarakat India. Bukti-bukti yang diambil sewaktu temubual digunakan untuk mengaitkan sebab masyarakat Tamil menggunakan imej tumbuhan lada hitam dalam peribahasa. Setiap satu peribahasa dikaitkan dengan budaya masyarakat India serta akal budinya.

Bagi kajian ini pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif serta akal budi.Selain daripada itu, pendekatan tahap ini menumpukan kepada persoalan mengapa sesuatu pola bahasa digunapakai sehingga boleh menjawab falsafah penggunaannya. Malah, semantik inkuisitif ini menggunakan data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penutur. Semantik inkuisitif ini dapat mencungkil makna-makna tersirat secara lebih mendalam serta tidak terhenti di peringkat kognitif sahaja malah lebih daripada itu.



Rajah 1: Susur Galur Pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Jalaluddin (2014)

Pencungkilan makna tersirat mampu menggabungkan pemahaman kita terhadap falsafah dan seterusnya membantu meneroka akal budi penutur. Lebih–lebih lagi, perasaan ingin tahu itu sendiri mampu membawa kita kepada alam penerokaan sesuatu perkara (Jalaluddin, 2014). Contohnya, dalam peribahasa Melayu terdapat peribahasa seperti "bagai pinang dibelah dua". Perasaan ingin tahu itu membantu menimbulkan persoalan kenapa pinang itu digunakan meskipun terdapat banyak lagi tumbuhan. Pengkaji akan mula mencari makna sebenar yang ingin disampaikan.

Kajian tentang semantik inkuisitif juga pernah dilakukan iaitu inkuisitif terhadap lirik lagu 'bangau oh bangau'. Lirik yang membawa maksud menyalahi orang lain dikaji dari segi semantik inkuisitif sehingga mendapat jawapan 'kenapa' hingga terbongkarnya rahsia pemikiran orang Melayu. Semantik inkuisitif ini juga mampu membuktikan makna khusus dan makna tidak khusus dalam bahasa Melayu (Jalaluddin, 2014).

Malah semantik inkuisitif ini diperluas kepada beberapa sub-bidang seperti semantik inkuisitif aspek tatabahasa, metafora dan semantik inkuisitif merentas kehidupan. Secara keseluruhan bidang semantik inkuisitif ini menyebabkan seseorang itu berfikir dan menghidupkan sikap rasa ingin tahu dalam sanubari orang tersebut.

Tafsiran sesuatu makna harus di cungkil dengan lebih mendalam dan ia tidak boleh hanya berhenti setakat makna di permukaan dan kognitif sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mencari makna secara lebih mendalam. Perasaan ingin tahu untuk terus meneroka makna disebalik penggunaan imej haiwan mampu melahirkan persoalan seperti mengapa masyarakat memilih imej tertentu dan dijadikan peribahasa. Contohnya, menurut Jalaluddin (2014), dalam bukunya yang bertajuk Semantik dan Akal Budi Melayu (2014), soalan seperti mengapa 'kaki botol' bukannya 'mulut botol'? Hal ini merupakan satu cara untuk mendapatkan jawapan dengan bertaya soalan seperti mengapa imej ini di gunakan dan tidak imej lain. Perkara ini akan menyebabkan pengkaji tertanya-tanya akan sebab-sebab pemilihan dan mencari jawapan dengan melihat budaya, kepercayaan, sejarah, geografi, agama, sains, dan sebagainya untuk mendapatkan jawapan. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji akan

mengaplikasikan peribahasa Tamil dengan pendekatan semantik inkuisitif.

4.0 Keputusan dan Perbincangan

Ketika menganalisis data ini, pengkaji akan mengaitkannya dengan pemikiran orang India pada zaman dahulu sehingga boleh mencipta peribahasa-peribahasa yang bersifat memberi teladan serta pengajaran yang diingati sehingga ke hari ini. Makna implisit disebalik setiap satu peribahasa di kaji melalui konsep semantik inkuisitif. Oleh itu, terdapat hanya dua peribahasa yang menggunakan imej tumbuhan lada hitam daripada 25 data yang dikutip. Analisis peribahasa tersebut telah dijelaskan dengan menyeluruh menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014).

4.1 Analisis Data Peribahasa Tamil

Analisis data peribahasa Tamil dalam Jadual 1 menerangkan secara mudah mengenai peribahasa ini iaitu "Kadagu Pona Idam Aarayvaar, Poosanikay Pona Idam Theriyathu".

Jadual 1: Peribahasa Tamil iaitu "Kadagu Pona Idam Aarayvaar, Poosanikay Pona Idam Theriyathu"

Peribahasa Tamil	Makna Mudah	Imej tumbuhan	Terjemahan BM	Nama saintifik
Data 1: கடுகுபோனஇடம் ஆராய்வர், பூசணிக்காய்போன இடம்தெரியாத Transkripsi Rumi: **Kadagu** pona idam aarayvaar, poosanikay pona idam theriyathu.	Kesilapan kecil yang dilakukan oleh seseorang dibesar-besarkan, tetapi kesilapan besar pula tidak diendahkan.	*Kadagu*	Lada Hitam	*Piper nigrum*

4.1.1 Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna harfiah bagi peribahasa ini ialah lada hitam *(kadagu)* yang begitu kecil

saiznya dapat dilihat manakala labu*(poosanikay)* yang begitu besar saiznya pula tidak dapat dilihat.

4.1.2 Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis Tahap 2 menunjukkan bahawa terdapat pelbagai sebab di sebalik pemilihan lada hitam (kadugu) itu. Tahap kedua ini akan mengaitkan pemilihan leksikal dalam peribahasa ini dengan keupayaan kognitif penciptanya. Analisis peringkat semantik resonans ini akan mengaitkan data, teori dengan keupayaan kognitif dalam penghasilan peribahasa ini. Dengan tatacara analisis data daripada Teori Relevans Sperber dan Wilson (1986, 1995) (terjemahan Jalaluddin, 2014), makna tersirat peribahasa ini akan dapat dikesan. Keupayaan kognitif, kesan kognitif, konteks dan usaha memproses inilah yang merupakan 4 fokus utama tatacara analisis makna yang dihajati dalam Teori Relevans. Dalam Teori Relevans, kita dibenarkan untuk mengemukakan andaian yang dapat membantu kita menginterpretasi makna sebenar yang dihajati. Oleh sebab analisis semantik resonans ini bertunjangkan Teori Relevans (TR), sebagai langkah pertama, pendengar boleh mencari makna harfiah imej yang dikemukakan di atas. Makna harfiah ini boleh diperoleh daripada kamus atau pun pengetahuan sedia ada penutur-pendengar yang boleh diinferensikan (dibuat kesimpulan). Makna inferens iaitu kesimpulan yang dibuat berdasarkan fakta (asas) tertentu, (Kamus Dewan Edisi Keempat) dapat dijana dengan keupayaan kognitif yang ada pada pendengar dan penutur. Maka masyarakat dapat mengaitkan konteks yang sedia ada. Dalam TR, konteks ialah seberkas andaian yang wujud yang boleh membantu pentafsiran makna. Andaian-andaian yang wujud ini telah mewujudkan satu perbandingan ketara antara kedua-dua leksikal ini.

Para pendengar harus mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan yang sedia ada untuk mendapatkan perkaitan yang unggul. Oleh hal yang demikian, Rangka Rujuk Silang atau konteks andaian yang mungkin dibentuk oleh pendengar ialah:

Contoh ayat:

1. Vinoth secara <u>tidak sengaja memecahkan pasu bunga</u> di rumah Muttu. Tetapi, Muttu <u>terus melaporkan perkara tersebut kepada pihak polis</u>. Sikap Muttu sama seperti **'Kadagu** pona idam aarayvaar, poosanikay pona idam theriyathu'

Berdasarkan contoh ayat 1, frasa yang bergaris itu dapat dijadikan maklumat tambahan pembaca/pendengar dalam merujuksilang makna peribahasa ini dengan konteks persekitaran mereka. Peribahasa ini biasanya akan digunakan jika seseorang itu selalu melihat kesalahan orang lain walaupun kesalahan kecil tetapi kesalahan sendiri tidak akan dilihat. Pada ketika itu, masyarakat India akan menggunakan peribahasa seperti dibawah ini.

4.1.2.1 Analisis Rangka Rujuk Silang (RRS)

Bagi menginterpretasikan peribahasa ini, pendengar perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada untuk mendapatkan releven yang maksima. Pembaca secara langsung akan memahami peribahasa ini walaupun tidak tahu maksud di sebalik peribahasa tersebut melalui maklumat tambahan yang diberikan.

Oleh hal yang demikian, RRS yang mungkin dibentuk oleh pendengar ialah:

1) Seseorang yang suka membesar-besarkan kesilapan kecil yang dibuat oleh orang lain manakala kesilapan besar yang dibuat sendiri itu tidak nampak.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden kesalahan yang besar yang terdapat pada ayat ketiga. Saiz lada hitam itu sendiri mempengaruhi seseorang itu untuk mengaitkannya dengan perkara yang kecil atau kesilapan yang kecil. Hal ini kerana lada hitam terlalu kecil saiznya. Andaian tersebut juga wujud kerana saiz labu itu sendiri. Labu lebih besar jika dibandingkan dengan lada hitam. Oleh hal yang demikian, pembaca mudah untuk memahami peribahasa dengan merujuk kepada situasi dan keadaan yang pernah wujud hasil daripada pengalaman hidup mereka tersebut walaupun tidak tahu makna sebenar peribahasa tersebut.

4.1.2.2 Analisis Relevans

Berdasarkan andaian yang dibuat, pendengar mampu mentafsir makna peribahasa tersebut dengan mudah. Andaian tersebut memberi kesan konteks yang tinggi dan pendengar mampu mempunyai maklumat yang cukup untuk memahaminya. Dengan pengetahuan sedia ada yang dibekalkan oleh konteks tadi, masyarakat dapat memikirkan, menginferenskan dan mengaitkan bahawa imej lada hitam itu diabstraksi sebagai sifat manusia dalam dunia nyata dan mereka ingin menyampaikan maklumat bahawa Kesilapan kecil yang dilakukan oleh seseorang dibesar-besarkan, tetapi kesilapan besar pula tidak diendahkan. Andaian yang wujud ini dapat berdiri kukuh kerana TR membenarkan kita memikirkan andaian-andaian yang akan membantu kita dalam menginterpretasi makna sebenar. TR membenarkan pencarian makna berdasarkan andaian-andaian yang kukuh. Pada peringkat ini, pelbagai andaian boleh muncul. Masyarakat mencipta peribahasa tersebut untuk mengajar manusia supaya tidak menjadi seseorang yang suka membesar-besarkan kesilapan yang dilakukan orang seseorang. Oleh kerana kesan kognitif di sini amat tinggi, mereka mudah mengambil contoh hasil daripada pengalaman hidup masyarakat India supaya di jadikan peribahasa.

Walau bagaimanapun, analisis di peringkat kognitif yang menemukan kita dengan makna berkenaan belum mencukupi lagi. Ada lagi makna sebenar yang perlu diketengahkan. Oleh itu, untuk merungkai makna sebenar di sebalik peribahasa tersebut, analisis peringkat semantik inkuisitif seterusnya harus dilakukan.

4.1.3 Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Peribahasa *'kadugu pona idam aarayvaar, poosanikay pona idam theriyathu'* bermakna kesilapan kecil yang dilakukan oleh seseorang individu itu dibesar-besarkan manakala orang yang melakukan kesilapan yang lebih besar pula tidak diendahkan. Peribahasa ini sama seperti peribahasa Melayu iaitu 'kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak nampak'. Perkara yang membezakan kedua-dua peribahasa ini ialah penggunaan imej tumbuhan dan haiwan. Peribahasa tamil menggunakan imej tumbuhan manakala peribahasa Melayu pula menggunakan imej haiwan. Walau bagaimanapun, kedua-dua peribahasa membawa makna yang serupa. Persoalannya kenapa hanya masyarakat India sahaja menggunakan imej-imej tersebut dalam peribahasa mereka? Agama dan budaya memainkan peranan yang amat penting dalam penciptaan peribahasa tersebut. Jika dilihat dengan teliti, masyarakat akan menggunakan labu ini untuk upacara keagamaan. Menurut informan, masyarakat India akan menggunakan labu sebagai satu alat untuk melakukan upacara sembahyang dan menghalau anasir-anasir jahat. Mereka akan melakukan beberapa *pooja* dan seterusnya memotong labu itu kepada empat bahagian. Bahagian-bahagian yang dipotong itu akan diletakkan di empat punjuru rumah. Hal ini dipercayai mampu menghalang anasir jahat, dan roh jahat mendekati rumah seseorang. Hal ini berlaku kerana masyarakat India masih berpegang kukuh dengan ajaran-ajaran agama dan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun. Walau bagaimapun, perkara ini cukup berbeza dalam konteks masyarakat Melayu. Mereka menggunakan imej haiwan bagi menggantikan imej tumbuhan tetapi masih membawa maksud yang sama. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu juga mempunyai budaya dan ajaran agama masing-masing. Peribahasa tersebut mungkin dibentuk berdasarkan perkara-perkara tersebut.

Jika dilihat dari segi semantik inkuisitif pula, ada sebab tertentu masyarakat India menggunakan imej tumbuhan lada hitam *(kadagu)* dan labu *(poosanikay)* dalam peribahasa tersebut. Mereka ingin membandingkan dua perkara (size comparison) yang memiliki ciri yang berbeza seperti lada hitam *(kadagu)* serta labu *(poosanikay).* Kedua-dua imej tumbuhan ini memiliki ciri yang jauh berbeza antara satu sama lain. Contohnya, lada hitam *(kadagu)* merupakan sejenis imej tumbuhan yang bersaiz kecil dan memiliki kepedasan yang sama seperti cabai manakala apabila melihat labu pula, tumbuhan ini bersaiz besar berbanding dengan lada hitam *(kadagu).* Malahan, jika dilihat dari perseptif budaya masyarakat India, lada hitam *(kadagu)* ini digunakan dalam pelbagai upacara keagamaan dan dalam ilmu sihir serta untuk mengubati pesakit. Contohnya, lada hitam *(kadagu)* itu dicampur dengan garam dan ditaburkan di sekeliling rumah bagi menggelakkan anasir jahat mendekati rumah

(Parameswaran, 2016).

Contoh lain bagi kegunaan lada hitam *(kadagu)* adalah untuk menggelakkan serangga perosak mendekati catatan dalam daun palma *(olai chuvadi).* Catatan-catatan lama yang ditulis dalam daum palma*(olai chuvadi)* itu diletakkan bersama dengan segenggam lada hitam *(kadagu)* supaya tidak rosak dan diserangi serangga perosak. Bersangkut paut dengan penggunaan lada hitam *(kadagu)* ini, labu *(poosanikay)* juga mempunyai pelbagai kegunaannya tersendiri. Di samping itu, lada hitam digunakan dalam perubatan tradisional 'Ayurveda'. Lada hitam merupakan antara ramuan utama dalam perubatan tradisonal itu.

> **"**Piper species have been used in traditional medicine for intermittent fevers and to promote the secretion of bile. They are also recommended for neurological, bronco-pulmonary and gastrointestinal disorders, (including dyspepsia, flatulence, constipation and hemorrhoids).2,3,4,5,6,7,8,9 In Ayurveda, black pepper, long pepper and ginger are often used together in equal proportions in a preparation known as "trikatu", a Sanskrit word meaning "three acrid".

Lada hitam digunakan untuk merawat pelbagai penyakit. Contohnya penyakit malaria. Lada hitam ini digunakan sebagai satu ramuan utama dalam merawat penyakit malaria yang kronik. Sebagai contoh, masyarakat India akan menggunakan labu *(poosanikay)* ini sebagai bahan korban untuk menggantikan haiwan dalam sesuatu upacara keagamaan. Menurut (Parameswaran, 2016), labu *(poosanikay)* ini dikatakan, boleh menjadi pengganti kepada kerbau dalam upacara keagamaan. Bertitik tolak daripada itu kajian ini berpendapat bahawa, masyarakat India ingin menunjukkan perbezaan antara dua perkara baik yang positif mahupun yang negatif mengikut falsafah hidup mereka.

4.2 Analisis Data Peribahasa Tamil "Siruthalum Kaaram Kuraiyaathu"

Seterusnya, data peribahasa Tamil கடுகுசிருத்தாலும்காரம் குறையாது (Transkripsi Rumi: Kadugu siruthalum kaaram kuraiyaathu) yang membawa maksud kebolehan dan kemampuan seseorang tidak boleh dipandang enteng berdasarkan paras rupa akan dianalisis.

Jadual 2: Peribahasa Tamil Iaitu "**Siruthalum Kaaram Kuraiyaathu**"

Peribahasa Tamil	Makna Mudah	Imej tumbuhan	Terjemahan BM	Nama saintifik
Data 2: கடுகுசிருத்தாலும்காரம்குறையாது Transkripsi Rumi: **Kadugu** siruthalum kaaram kuraiyaathu.	Kebolehan dan kemampuan seseorang tidak boleh dipandang enteng berdasarkan paras rupa.	*Kadagu*	Lada Hitam	*Piper nigrum*

4.2.1 Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna harfiah bagi peribahasa ini menceritakan bahawa walaupun lada hitam *(kadagu)* bersaiz kecil namun ciri-ciri dan kelebihan yang dimiliki itu tidak akan berubah walaupun sedikit. Peribahasa*'kadagu siruthalum kaaram kuraiyaathu'* membawa makna bahawa kita sebagai manusia tidak boleh memandang rendah akan kebolehan, kemampuan serta kelebihan seseorang berdasarkan paras rupa kerana setiap orang memilki kelebihan dan keupayaannya yang tersendiri.

4.2.2 Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis tahap kedua ini akan mengaitkan peribahasa ini dengan keupayaan kognitif pembaca mahupun pendengarnya. Analisis peringkat semantik resonans ini akan mengaitkan data, teori dengan keupayaan kognitif dalam penghasilan peribahasa ini.

Contoh ayat:

Walaupun Varan merupakan orang kelainan upaya (OKU) dan memiliki saiz badan yang kecil, namun perkara tersebut tidak menjadi halangan kepadanya untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Situasi ini sama seperti 'Kadugu siruthalum kaaram kuraiyaathu'.

Contoh ayat di atas dapat membantu pembaca mahupun pendegar memahami maksud peribahasa tersebut walaupun tidak mengetahui makna sebenar peribahasa itu sebelum ini. Rujukan maklumat tambahan seperti "*Walaupun Varan merupakan orang kelainan upaya (OKU) dan memiliki saiz badan yang kecil"*, *"perkara tersebut tidak menjadi halangan"* serta "*untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)".*

4.2.2.1 Analisis Rangka Rujuk Silang (RRS)

Bagi menginterpretasikan peribahasa ini, pendengar perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada untuk mendapatkan releven yang maksima. Oleh hal yang demikian, RRS yang mungkin dibentuk oleh pendengar ialah:

1) Walaupun seseorang itu mempunyai rupa yang kecil, orang tersebut masih akan mempunyai kelebihannya yang tersendiri.

Andaian tersebut dibentuk berdasarkan anteseden saiz badan yang kecil yang terdapat pada ayat pertama dalam peribahasa tersebut. Saiz memainkan peranan penting dalam menginterpretasikan peribahasa ini sehingga seseorang itu mampu menggunakannya untuk membandingkan kebolehan manusia. Maklumat tambahan yang diberikan membantu pendengar dan pembaca memahami peribahasa tersebut melalui contoh ayat yang diberikan.

4.2.2.2 Analisis Relevans

Berdasarkan anteseden lada, pendengar mampu memahami ujaran ini dan seterusnya mengetahui bahawa lada itu akan berasa pedas walaupun saiznya kecil berdasarkan andaian implikatur sebagai Rangka Rujuk Silang yang telah dibina. Andaian ini dibina berdasarkan anteseden *'lada'* pada peribahasa tersebut. Perkataan *kadugu* itu sendiri mengakibatkan pendengar mengaitkan dengan situasi-situasi yang pernah timbul berdasarkan pengalaman hidup mereka. Rujukan tersebut berasal daripada pengalaman hidup masyarakat tersebut. Daripada kesan kognitif yang tinggi inilah, interpretasi sebenar sesuatu ujaran sama ada lisan atau bukan lisan diperoleh. (Subet, 2010) Maka, jelas masyarakat India dalam hal ini dilengkapi dengan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada bahawa lada itu pedas rasanya kerana masyarakat sememangnya

menggunakan lada hitam dalam masakan seharian mereka dari zaman dahulu hingga kini. Mereka tahu dan kegunaan lada hitam dalam masakan. Bertitik tolak daripada konteks tersebut, pendengar secara langsung akan mengetahui sifat tumbuhan tersebut. Walau bagaimanapun, analisis tahap semantik resonans ini cuma mengaitkan data, teori dan keupayaan kognitif penutur dan pendengar dalam menghubungkaitkan imej-imej berkenaan. Malah, analisis pada tahap ini masih tidak mencukupi untuk merungkai makna sebenar peribahasa tersebut. Dalam pendekatan semantik inkuisitif, makna harus diterokai lagi dengan analisis peringkat ketiga kerana analisis peringkat ketiga ini lebih lengkap apabila dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Oleh hal yang demikian, analisis inkuisitif harus dilaksanakan untuk mendapatkan makna sebenar penggunaan imej tumbuhan tersebut.

4.2.3 Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Jika dilihat secara lebih mendalam, terdapat beberapa sebab kenapa masyarakat India menggunakan lada hitam (kadagu). Salah satu sebab kenapa masyarakat India menggunakan lada hitam (kadagu) ialah masyarakat India dahulu merupakan masyarakat pertanian. Menurut informan, terdapat banyak tanaman lada hitam di negara India.

Di samping itu, negara yang menjadi pengimport utama rempah ini ialah Amerika Syarikat, China, Vietnam dan Malaysia. Walau bagaimanapun, persoalan di sini adalah bagaimanakah masyarakat india tahu mengenai kegunaan lada hitam itu? sedangkan masyarakat dahulu tidak mempunyai pendidikan yang formal. Dalam hal ini, budaya dan cara hidup memainkan peranan yang penting. Cara hidup mereka yang tahu menggunakan perkara-perkara semula jadi seperti pokok, daun dan sebagainya dalam perubatan tadisional, pemakanan dan sebagainya menyebabkan mereka memilih imej tersebut untuk dijadikan contoh dalam peribahasa tersebut.

Pelbagai negara ingin berlayar ke negara India hanya semata-mata untuk mendapatkan lada (hitam). Lada hitam (*kadugu*) biasanya digunakan untuk bidang perubatan tradisional oleh masyarakat India. Jika dilihat dengan perseptif yang lain, lada hitam memiliki ciri kepedasan yang tinggi serta mempunyai pelbagai kegunaan.

Oleh hal yang demikian, masyarakat India ingin mengaitkan ciri kepedasan dengan kebolehan, keupayaan manusia yang tiada hadnya. Masyarakat India ingin menjelaskan bahawa jika lada hitam (kadagu) yang kecil saiznya memiliki kelebihannya yang tersendiri, apatah lagi manusia serta ingin menekankan bahawa keupayaan serta kelebihan tidak boleh diukur dengan paras rupa seseorang (Parameswaran, 2016). Sama seperti peribahasa Melayu ‘kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa’. Lanjutan daripada itu, kajian ini membuktikan bahawa budaya serta cara melihat alam amat berkait rapat dengan penciptaan sesuatu peribahasa itu.

5.0 Rumusan dan Kesimpulan

Intihanya, peribahasa merupakan suatu khazanah bersifat abstrak yang perlu dipelihara agar tidak ditelan zaman. Masa bergerak begitu pantas, pejam celik sahaja kita sudah berada pada alaf milenium yang penuh mencabar. Abad ke-21 telah menyaksikan pelbagai pendapat, pandangan, cetusan idea dan buah fikiran terus dilontar dan diutarakan oleh golongan bijak pandai, ilmuwan, cendekiawan dan golongan intelegensia berhubung dengan peribahasa. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai persoalan terus berlegar-legar dan berputar dalam kotak fikiran kita apabila membicarakan isu dan mauduk yang berhubung kait mengabaikan peribahasa oleh masyarakat dalam kalangan muda-mudi di bumi Malaysia ini. Masyarakat pada alaf robotik ini tidak mengetahui nilai peribahasa tersebut yang sebenarnya membawa kepada kelahiran akal budi, budaya serta pemikiran sekumpulan masyarakat.

Kekurangan penghayatan peribahasa oleh masyarakat India terutamanya masih rendah dan terkawal jika dibandingkan dengan masyarakat Cina. Malah, kajian ini berpendapat bahawa kekurangan penghayatan peribahasa ini masih rendah. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membantu semua lapisan pihak untuk mengenali budaya, kepercayaan, pemikiran dan pengetahuan masyarakat kaum India. Makna-makna tersirat juga dapat dijelaskan dengan lebih lanjut agar masyarakat menghayati peribahasa serta menggunakannya dalam kehidupan seharian. Setiap peribahasa ciptaan manusia itu mempunyai nilai estetik dan begitu rapat dengan sanubari kita kerana kesemua peribahasa itu mempunyai kaitan dengan akal budi manusia.

Hal ini merupakan satu fakta yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak kerana setiap peribahasa dikaitkan dengan budaya masing-masing. Boleh dikatakan bahawa jikalau peribahasa itu dilupakan oleh masyarakat, hal itu sejajar dengan melupakan budaya sendiri. Kita semestinya tidak mahu melupakan contoh budaya yang diaplikasikan melalui peribahasa oleh nenek moyang kita. Selain itu, kajian ini akan menjadi satu langkah bagi semua lapisan pihak untuk melindungi khazanah-khazanah ciptaan kita sendiri yang tidak ada nilai bandingannya tanpa mengira bahasa dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan semua masyarakat di samping menjayakan visi nasional negara iaitu 1 Malaysia. Bak kata pepatah ‘hati gajah sama di lapah, hati kuman sama dicecah’.

Kajian-kajian berkaitan peribahasa Melayu mahupun peribahasa masyarakat India banyak dilaksanakan yang mempunyai kepentingannya tersendiri. Kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya ialah melalui kajian ini, pengkaji akan mendapat pengetahuan yang lebih mendalam mengenai budaya masyarakat India disamping mengadaptasi beberapa nilai–nilai positif yang terdapat dalam peribahasa masyarakat India. Selain itu,masyarakat juga akan mendapat suatu ilmu yang baharu berkaitan sebilangan peribahasa masyarakat India yang menggunakan imej tumbuhan sebagai suatu wahana dalam peribahasa. Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai pelbagai kaum dan rakyat Malaysia perlu mengetahui serta mengenali budaya setiap kaum di negara kita. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membantu seluruh lapisan masyarakat untuk memahami budaya kaum India melalui himpunan

peribahasa.

Jika dilihat dengan teliti, peribahasa mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya serta alam sekeliling. Di samping itu, peribahasa merupakan manifestasi pemikiran sesebuah komuniti. Oleh hal yang demikian, masyarakat dapat memahami pemikiran sesebuah bangsa melalui kajian ini. Selain itu, melalui kajian ini juga masyarakat terutamnya masyarakat India akan mula sedar akan kepentingan peribahasa yang kian lenyap dalam kalangan generasi muda. Kajian ini berpendapat bahawa, ada segelintir pihak yang mempunyai persepsi bahawa hanya orang Melayu sahaja yang mempunyai serta menggunakan peribahasa. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat menukar persepsi segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa peribahasa hanya digunakan oleh masyarakat Melayu. Malah, kajian ini akan membantu para pengkaji yang ingin melakukan kajian-kajian berkaitan peribahasa di samping menjadi satu panduan bagi melakukan kajian yang lebih mendalam. Kajian ini juga membantu para wiraswasta (orang yang bijak dan berkebolehan/generasi muda) untuk memahami budaya sesuatu kaum dengan jelas dan tepat.

Melalui kajian ini juga, penyelidik dapat mendokumentasikan kutipan peribahasa yang hanya menggunakan imej tumbuhan serta maksud-maksud tersirat yang akan dikaitkan dengan budaya masyarakat India. Pendokumentasian itu akan membantu para penyelidik pada masa hadapan dan menjadi satu panduan bagi melakukan kajian yang berkaitan dengan peribahasa masyarakat India. Selain itu, berdasarkan contoh peribahasa yang dikemukakan, beberapa konsep yang terkandung dalam peribahasa seperti kebudayaan, kelestarian alam dapat ditimbulkan. Jika dilihat dari segi sosial pula, masyarakat akan mula menggunakan peribahasa yang kian tidak digunakan secara meluas serta dapat mengelakkan penggunaan perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati seseorang. Unsur–unsur peribahasa ini membantu masyarakat menggunakan perkataan berlapis agar dapat menjaga perasaan seseorang. Justeru, kita dapat menggelakkan perasaan syak wasangka dalam kalangan masyarakat serta dapat menghidupkan kembali hubungan silaturahim. Malah, warisan seni budaya, kesusasteraan serta peribahasa dapat dipertahankan pada alaf siber ini dalam kalangan muda-mudi di negara kita. Para pembaca juga akan mula memahami serta menghayati isi dan inti pati peribahasa sesuatu kaum. Hal ini secara tidak langsung akan menimbulkan minat untuk mengetahui, memahami, menjiwai serta mengkaji peribahasa yang tidak lagi dikaji oleh pengkaji lain di samping dapat mengekalkan khazanah warisan yang malap di bumi konkrit ini.

6.0 Rujukan

Ahmad, R., Ahmad, N., Amir, M., Aljishi, F., Alamer, M. H., Al-Shaban, H. R., & Almofty, S. A. (2020). Quality variation and standardization of black pepper (Piper nigrum): A comparative geographical evaluation based on instrumental and metabolomics analysis. Biomedical Chromatography, 34(3), e4772.

Ahmad, Z. A. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. Anggraini, N., Berliana, D., & Utoyo, B. (2020). Willingness To Pay Petani Lada Di Provinsi Lampung. *Journal of Food System & Agribusiness*, *3*(2), 57-62.

Beck, B. E. (1979). Body Imagery in the Tamil Proverbs of South India. *Western*

Folklore, 21-41.

Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (Tesis sarjana muda tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.

Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, *3*(1), 19-28.

Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, *10*(2), 41-51.

Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESA MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, *3*(3), 43-52.

Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif.* (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, *17*(1), 36-42.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, *2*(1), 37-62.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu, 30*(1), 108-136.

Geetha, V., & Kamatchi, B. (2010). Code Mixing and Code Switching in Tamil Proverbs. Language in India, 10(5).

Hussain, A. (1997). *Canai budi.* Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamus Dewan (2016), Dewan Bahasa dan Pustaka.

Meilawati, N. L. W., Susilowati, M., & Bermawie, N. (2020). Phyllogenetic of nine superior black pepper (Piper nigrum L.) varieties based on morphological and molecular markers. In IOP Conference Series: Earth and Environmental Science (Vol. 418, No. 1, p. 012056). IOP Publishing.

pepper (Piper nigrum L.) varieties based on morphological and molecular markers. In IOP

Conference Series: Earth and Environmental Science (Vol. 418, No. 1, p. 012056). IOP Publishing.

Mohd, A., & Hassan, A. (2008). Teori dan teknik terjemahan. PTS Publications and Distributors. Murthy, T., &

Subet, M. F. (2018a). Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. Issues in Language Studies, 7(1).

Murthy, T., & Subet, M. F. (2018b). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif (Sugar

Cane images in Tamil Proverbs: A Semantic Inquisitive analysis). Trends in Undergraduate Research, 1(1), f24-29.

Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Cerminan Pemakanan Sihat Dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif (Healthy Diet Reflection in Tamil Proverbs: An Inquisitive Semantic Research). JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora), 3(2), 117-129.

Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Kajian semantik inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. Sains Humanika, 11(1).

Nasharudin, M. (2020). Peranan perbadanan pembangunan ekonomi Sarawak (SEDC) Sibu dalam pemberdayaan ekonomi masyarakat: Studi deskriptif perbadanan pembangunan ekonomi Sarawak (SEDC), no. 40, tingkat 1, Lot 2852, Jalan Intan, Jalan Tun Abang Haji Openg, 96000 Sibu, Sarawak, Malaysia (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).

Parameswaran, G. (2016). Languages and the Tamil terms. Scribd Publisher.

Patangke, A. (2020). Intensitas Penyakit Busuk Pangkal Batang Pada Tanaman Lada (Piper nigrum L) Di

Desa Batuah Kecamatan Loa Janan Kabupaten Kutai Kartanegara. Agrifarm: Jurnal Ilmu Pertanian, 8(2), 51-56.

Percival, P. (1996). Tamil Proverbs with Their English Translation: Containing Upwards of Six Thousand Proverbs. Asian Educational Services.

Ragavan, R., & Salleh, C. I. H. (2015). Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial. Journal of Business and Social Development 3(1), 66-75.

Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO), 3(2)

Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2019). Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. Jurnal Sains Sosial@

Malaysian Journal of Social Sciences, 4(1), 102-112.

Sellvaraj, J. D., & Annamalai, M. D. M. (2019). Rumpai dalam peribahasa Tamil: perspektif sains pertanian. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 362-370.

Seto, B. A. (2020). Aktivitas antioksidan dan antibakteri minyak atsiri lada hitam (piper niglum l)= Antioxidant and antibacterial activity of black pepper (piper nigrum L.) essential oil (Doctoral dissertation, Universitas Pelita Harapan).

Subet, F. (2010). Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: Satu Analisis teori relevans. (Tesis Ph.D.). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Subet, M. F., & Nasir, M. R.M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa melayu. Malaysian Journal of Learning and Instruction, 16(2), 227-253.

Whardani, H., Sudrajat, I. S., & Widiatmi, S. (2020). Analisis pemasaran lada putih (Piper Nigrum) di Kecamatan Simpang Pesak Kabupaten Belitung Timur. Jurnal Ilmiah Agritas, 3(2), 67-76.

Zahid, I. (1998). Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi yang tiada penentu. Jurnal Dewan Bahasa, 42(11), 979-984.